

BAB 5

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1 Trend Ekonomi Semasa

Perubahan trend ekonomi global seperti globalisasi ekonomi dan liberalisasi perdagangan memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara. Apatah lagi Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka dengan pergantungan kepada sektor luaran untuk membangunkan ekonomi semakin tinggi. Keterbukaan sistem ekonomi menyebabkan ia terdedah kepada turun naik ekonomi luaran.¹³³ Ini bermakna pembangunan ekonomi sesebuah negara seperti Malaysia amat dipengaruhi oleh persekitaran ekonomi global.

Sejak mencapai kemerdekaan pada 1957, Malaysia telah beberapa kali mengalami krisis ekonomi akibat daripada ketidakseimbangan ekonomi luaran.¹³⁴ Antaranya ialah krisis harga minyak pada 1970-an; kemelesetan ekonomi dunia pertengahan 1980-an dan krisis ekonomi Asia Timur 1997-1999.

Sementara itu, bermula daripada Pusingan Uruguay 1986 sebahagian besar negara-negara membangun termasuk Malaysia telah beralih kepada dasar liberalisasi dagangan. Dasar liberalisasi ini memberi kesan melalui peningkatan pertumbuhan perdagangan dan merangsang pertumbuhan ekonomi, menggalakkan pemindahan teknologi, meningkatkan produktiviti dan juga daya saing di peringkat antarabangsa.

¹³³ Paul Krugman, "External Shocks and Domestic Policy Responses", dalam Rudiger Dornbush dan F. Leslie C.H. Helvers (1998) (eds.), *The Open Economy Tools for Policy Makers in Developing Countries*, Oxford: EDI Series in Economic Development.

¹³⁴ Sirajuddin H. Salleh dan Ledivina Carino (1995), *Globalisation and the Asean Public Sector*, Kuala Lumpur: APDC.

Di Malaysia komitmen terhadap liberalisasi perdagangan bermula selepas pemulihan ekonomi pada pertengahan 1980-an.¹³⁵

Dalam masa yang sama, ekonomi dunia menyaksikan kemunculan blok-blok perdagangan seperti North America Free Trade Agreement (NAFTA), Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) dan juga Asean Free Trade Area (AFTA). Kemunculan blok-blok dagangan ini memberikan kesan besar kepada ekonomi sesebuah negara melalui perluasan pasaran.

Bagaimanapun, perubahan-perubahan trend ekonomi menuju globalisasi dan liberalisasi perdagangan ini, bukan jaminan untuk perdagangan secara adil dan bebas tetapi masih banyak cabaran yang perlu dihadapi terutamanya dalam konteks perdagangan antarabangsa. Sektor perniagaan dan industri khususnya IKS pastinya berdepan dengan cabaran yang sengit untuk terus wujud dan berdaya saing dalam ekonomi global.

5.2 Kelemahan-Kelemahan IKS

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa IKS gagal memenuhi sebahagian besar strategi-strategi yang telah dibincangkan di atas. Ini menyebabkan IKS kurang daya saing di peringkat antarabangsa dan tidak mampu bertahan menghadapi cabaran-cabaran dalam ekonomi global. Kajian ini menemui perkara-perkara berikut:

¹³⁵ Sieh Lee Mei Ling, Mahani Zainal dan Loke Wai Heng (2000), *Liberalisation and Deregulation of Malaysia's Services Sector*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

5.3.1 Penglibatan dalam Pasaran Eksport

Tidak dinafikan sebahagian besar (64.5%) daripada IKS terlibat dalam pasaran eksport. Sementara 69.7% bercadang meluaskan pasaran eksport ke negara-negara lain atau meneroka pasaran eksport yang baru dalam tempoh lima tahun akan datang. Namun demikian, dengan tahap penggunaan teknologi moden yang rendah, kawalan kualiti yang kurang dan masalah-masalah struktur yang lain adalah sukar untuk IKS mempertahankan pasarnya. Tambahan pula IKS terpaksa menghadapi pelbagai masalah dan halangan lain dalam pasaran eksport seperti anti lambakan dan diskriminasi pasaran.

5.3.2 Menggunakan Teknologi Pengeluaran yang Rendah

Bilangan IKS yang menggunakan teknologi moden dalam proses pengeluaran adalah amat sedikit. Sebahagian besar masih menggunakan sistem pengeluaran automasi separa dan manual atau intensif buruh. Penggunaan teknologi moden yang lain seperti FMS, CIM, CAD/CAM, ERP dan Robotik juga amat kurang. Pada keseluruhannya (Jadual 4.8), hanya 10 buah atau 6.6% sahaja daripada IKS menggunakan automasi sepenuhnya dalam proses pengeluaran. Sebahagian besarnya ataupun 68.2% menggunakan automasi separa iaitu gabungan antara manual dan mesin. Sementara itu, 38 buah syarikat lagi ataupun 25.2% menggunakan kaedah pengeluaran secara manual dengan intensif buruh.

5.3.3 Tidak Mempunyai Kawalan Kualiti

Selain itu, sebahagian besar daripada IKS tidak mempunyai kawalan kualiti terutamanya yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti ISO 9000 dan ISO 14000. Walaupun telah terbukti bahawa pengurusan kualiti yang mantap dan

sistematik amat perlu untuk meningkatkan kelebihan tetapi kajian ini mendapati pada keseluruhannya tidak sampai separuh daripada IKS mempunyai sistem kawalan kualiti. Tidak sampai 20% IKS mempunyai sistem kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Hanya 0.7 % IKS mendapat pengiktirafan ISO 14000. Bagi ISO 9000 pula hanya terdapat 19.4 % IKS mendapat pengiktirafan.

5.3.4 Kurang Menitikberatkan Pembangunan Sumber Manusia

Sebanyak 60.9% daripada IKS tidak mempunyai belanjawan yang khusus untuk pembangunan sumber manusia. Manakala lebih separuh daripada IKS tidak mempunyai Jabatan atau Bahagian Sumber Manusia dalam struktur organisasinya. Sementara itu perbelanjaan untuk program pembangunan sumber manusia juga kecil. Kebanyakan syarikat IKS kurang berminat melatih pekerja kerana khuatir akan kehilangan pekerja yang telah dilatih kepada syarikat lain yang menawarkan upah lebih tinggi. Oleh yang demikian, peruntukan kewangan yang disediakan untuk tujuan tersebut adalah amat kecil atau tiada langsung.

5.3.5 Pergantungan kepada Input dan Rekabentuk Kejuruteraan Asing

Didapati bahawa kira-kira 54.2% IKS bergantung kepada rekabentuk kejuruteraan dari luar negeri. Pergantungan yang tinggi ini menyebabkan IKS hanya mampu menghasilkan keluaran pada nilai ditambah yang rendah. Selain itu, ia juga menyebabkan IKS menghadapi risiko gangguan ekonomi antarabangsa yang boleh menyebabkan ketidakstabilan harga input seperti yang telah berlaku semasa krisis ekonomi pada tahun 1997.

5.3.6 Penglibatan dalam e-Dagang yang Rendah

Walaupun kadar penggunaan internet tinggi di kalangan IKS tetapi sedikit sahaja atau hanya 9.3% sahaja yang menjalankan e-Dagang secara meluas. Kadar tersebut jauh lebih rendah daripada peratusan yang dicatatkan di negara-negara lain. Di negara-negara OECD, kadar penggunaan Internet mencapai sehingga 95.0% terutamanya bagi firma yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 pekerja.

E-Dagang boleh digunakan untuk meningkatkan daya saing firma berdasarkan liputannya yang meluas. Ketika pengeksport negara menghadapi pelbagai halangan dan sekatan untuk memasarkan barangan ke luar negara, e-Dagang boleh dijadikan satu alternatif untuk meluaskan pasaran ke serata dunia.

5.3.7 Saiz IKS Secara Relatif adalah Kecil

Kelèmah IKS seperti yang disebutkan di atas seperti penggunaan teknologi moden yang kurang dan sistem kawalan kualiti yang lemah timbul kerana kurangnya kesedaran IKS tentang faedah penggunaan perkara tersebut. Namun demikian untuk menuduh bahawa IKS kurang kesedaran adalah tidak adil tanpa meneliti latar belakang IKS berkenaan. Jika dilihat berdasarkan modal berbayar (Jadual 4.2) lebih satu pertiga atau 39.1% (63) daripada IKS memiliki modal berbayar kurang daripada RM 100,000. Begitu juga jika ditinjau berdasarkan nilai jualan pada tahun 1999 (Jadual 4.3) didapati bahawa lebih 50% daripada IKS mencatatkan jualan tidak lebih daripada RM5 juta.

Keadaan ini membayangkan IKS adalah secara relatifnya bersaiz kecil berbanding dengan syarikat besar. Oleh yang demikian kedudukan kewangan atau kemampuan menggunakan teknologi moden adalah kurang. Teknologi moden ini biasanya mahal dan tidak mampu dimiliki oleh IKS.

5.4 Potensi IKS Pada Masa Hadapan

Walaupun IKS pada masa sekarang dilihat kurang memiliki daya saing tetapi dalam jangka masa panjang IKS sebenarnya mempunyai potensi yang cerah berdasarkan perkara-perkara berikut:

5.4.1 Penglibatan yang Aktif dalam R&D

Lebih separuh atau 54.4% daripada syarikat IKS dalam kajian ini menjalankan penyelidikan dan pembangunan sebagai salah satu usaha meningkatkan kualiti keluaran. Namun demikian jika dilihat dari segi nilai perbelanjaan R&D (Jadual 4.6.2), 53.1% IKS memperuntukkan tidak lebih daripada 10.0% daripada jumlah jualan. Selain itu, kebanyakan syarikat yang menjalankan R&D (51.0%) mempunyai Jabatan R&D masing-masing. Selebihnya sering mengadakan usahasama dengan syarikat-syarikat lain dan menggunakan sumber luaran termasuk geran-geran yang diwujudkan oleh kerajaan dalam usaha memperkembangkan R&D syarikat.

Penglibatan yang aktif dalam R&D ini berupaya meningkatkan tahap teknologi dan mutu keluaran IKS. Dalam jangka masa panjang ia boleh membantu IKS mengukuhkan daya saing.

5.4.2 Peningkatan Penggunaan Teknologi pada Masa akan Datang

Secara keseluruhannya IKS mempunyai cadangan untuk meningkatkan tahap penggunaan teknologi moden dalam tempoh lima tahun akan datang lebih tinggi berbanding pada masa sekarang seperti dalam Jadual 5.1:

Jadual 5.1: Tahap Penggunaan Teknologi Moden

Jenis Teknologi	Pada Masa Sekarang	Pada Masa Akan Datang
Robotik	16 (10.5)	28 (18.7)
FMS	16 (10.5)	44 (29.3)
CIM	17 (11.2)	37 (24.7)
CAM	31 (20.4)	50 (33.3)
CAD	41 (27.0)	54 (36.0)
ERP	15 (9.9)	50 (33.6)

Sumber: Soal Selidik 1999.

Oleh yang demikian ia diharapkan mampu meningkatkan daya saing IKS terutamanya menjelang pelaksanaan AFTA pada tahun 2003 nanti.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian ini berjaya membuktikan hipotesis bahawa “IKS di Malaysia sebenarnya masih belum bersedia dalam menghadapi cabaran ekonomi global.” Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan tahap penggunaan dan tingkat teknologi, IT, R&D dan pengurusan kualiti yang rendah.

Contohnya hanya 10 buah atau 6.6% sahaja daripada IKS menggunakan automasi sepenuhnya dalam proses pengeluaran serta kurang 20% daripada IKS menggunakan teknologi moden seperti Robotik dan FMS. Selain itu, tidak sampai 20% IKS yang mempunyai sistem kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti ISO 14000 dan ISO 9000.

Kelemahan-kelemahan ini menyukarkan IKS untuk bersaing diperingkat antarabangsa. Daya saing IKS semakin lemah dan sukar untuk ditingkatkan dalam jangkamasa terdekat. Salah satu sebabnya ialah kekurangan penglibatan dalam R&D yang mana hampir 80% IKS memperuntukkan tidak lebih daripada 10.0% daripada jumlah jualan.

Sementara itu, ketika firma-firma perniagaan seluruh dunia berlumba-lumba melaksanakan e-dagang untuk meluaskan pasaran ternyata IKS jauh ketinggalan. Hanya kira-kira 9.3% sahaja IKS yang menjalankan e-Dagang secara meluas.

Jelas bahawa IKS di Malaysia terus dilingkari oleh masalah asas seperti masalah kewangan, kurang menggunakan teknologi moden serta mutu keluaran yang rendah. Masalah-masalah tersebut bukan perkara baru tetapi seolah-olah tradisi bagi IKS. Masalah-masalah tersebut telah menyebabkan IKS sukar untuk bertahan dalam ekonomi global yang semakin mencabar.

Bagaimanapun, IKS di Malaysia berpotensi untuk maju dan berdaya saing pada masa hadapan memandangkan terdapatnya penglibatan yang aktif dalam R&D, berusaha meningkatkan penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran termasuk teknologi maklumat dan e-Dagang. Di samping itu juga kewujudan agensi kerajaan yang khusus untuk membantu IKS seperti SMIDEC diharapkan dapat mempertingkatkan pembangunan IKS di Malaysia supaya mampu bertahan dalam menghadapi tekanan ekonomi global yang semakin mencabar.